



SURAT SETUJU TERIMA

MPC(PCT)100.2/6 Jld 2

26 November 2020

Novo Quality Services (M) Sdn Bhd
Unit No 625 & 627, Block A Kelana
Centre Point 3, Jalan SS7/19,
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan .

Tel: 03-7804 7811
Fax: 03-7804 3609

MPC 14/2020: PERKHIDMATAN LATIHAN UNTUK INTERVENSI AMALAN 5S DAN KAIZEN BAGI 3 SYARIKAT DI BAWAH SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS (SPPE-MPB)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada tawaran daripada pihak Tuan untuk perkhidmatan di atas dan sukacita memaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tersebut dengan harga keseluruhan sebanyak **RM 62,964.00**

2. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat Tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat Tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan. Pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebut harga oleh pihak Tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti di bawah:

Bil	Fasa dan Aktiviti	Bil hari	Kos Intervensi (Kadar) (RM/hari)	Kos per syarikat (RM/sykt)	Jumlah (RM)
FASA 1					
1	<i>Khidmat Nasihat/ Perundingan (Lawatan 1 & 2):</i> ☐ Penilaian awalan ☐ Menilai tahap semasa sistem, amalan bekerja dan kaedah penjagaan kebersihan bagi mengenalpasti jurang ☐ Penubuhan pasukan projek bagi tujuan pengurusan projek dan pelaksanaan Sistem 5S	2	1,300.00	2,600.00	7,800.00
2	Latihan “ Sistem Amalan 5S dan Kaizen ” mengandungi skop berikut: ☐ Objektif, tujuan dan faedah pelaksanaan Amalan 5S dan kaizen di tempat kerja ☐ Prinsip Amalan 5S dan pelaksanaannya ☐ Konsep Kaizen bagi tujuan proses penambahbaikan berterusan	2	1,700.00	3,400.00	10,200.00
	Jumlah Fasa 1	4	3,000.00	6,000.00	18,000.00
	6% SST	-	-	360.00	1,080.00
	Jumlah keseluruhan Fasa 1	-	-	6,360.00	19,080.00
FASA 2					
3	<i>Khidmat Nasihat/ Perundingan</i>	5	1,300.00	6,500.00	19,500.00

Bil	Fasa dan Aktiviti	Bil hari	Kos Intervensi (Kadar) (RM/hari)	Kos per syarikat (RM/sykt)	Jumlah (RM)
	(Lawatan 3 – 7): i. Perancangan bagi mengenalpasti kawasan/zon, jabatan dan pihak-pihak yang akan terlibat semasa pelaksanaan. ii. Panduan bagi pelaksanaan dan pengekalan Sistem Amalan 5S dan Kaizen. iii. Panduan aplikasi partikal Sistem Amana 5S iv. Panduan dan amalan konsep Kaizen bagi mengenalpasti dan mengatasi isu pembaziran di tempat kerja v. Memotivasi kakitangan bagi pelaksanaan Sistem Amalan 5S dan kaizen. vi. Panduan dan pelaksanaan laporan kemajuan				
4	Khidmat Nasihat/ Perundingan (Lawatan 8 –10): (Perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengauditan) Aspek audit dalaman –	3	1,300.00	3,900.00	11,700.00

Bil	Fasa dan Aktiviti	Bil hari	Kos Intervensi (Kadar) (RM/hari)	Kos per syarikat (RM/sykt)	Jumlah (RM)
	menilai amalan di tempat kerja i. Penilaian tahap pencapaian dan pematuhan ii. Verifikasi perubahan yang dilaksanakan dan menilai keputusan iii. Mengenalpasti peluang penambahbaikan berterusan.				
5	Latihan “ Audit Dalam Sistem Amalan 5S ” modul latihan meliputi kriteria audit, latihan praktikal audit & mengurus keputusan audit.	2	1,700.00	3,400.00	10,200.00
	Jumlah Fasa 2	10	4,300.00	13,800.00	41,400.00
	6% SST	-	-	828.00	2,484.00
	Jumlah Keseluruhan Fasa 2	14	7,300.00	14,628.00	43,884.00
	Jumlah Besar	-	-	20,988.00	62,964.00

3. Syarikat Tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat Tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat Tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat Tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Surat ini ditandatangani;

- (d) syarikat Tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (e) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (f) syarikat Tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (g) syarikat Tuan digulungkan;
- (h) syarikat Tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (i) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (j) syarikat Tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (k) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

4. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 3, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat Tuan termasuk kerugian masa hadapan.

5. Sekiranya pihak Tuan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak Tuan.

6. Bersama-sama surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak Tuan. Sila kembalikan dua (2) salinan termasuk salinan asal, yang telah ditandatangani oleh pihak Tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.



Tandatangan Pembekal

Nama Penuh : TYE SU REN
Alamat : Nany Quality Services (M) Sdn Bhd

Tarikh : 27 November 2020



Tandatangan Saksi

Nama Penuh : Nany Nga Ozyong Giong
Alamat : Kelana Jaya

Tarikh : 27/11/2020

Diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak :

Nany Quality Services (M) Sdn Bhd (2019084-F)
Unit No. 625 & 627, Block A, Kelana Centre Point
3, Jalan SS 7/19, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7804 7831/2237889-6225
Fax: 03-7804 3609

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh : 27/11/20.....

SURAT AKUAN

Bagi

MPC 14/2020 : PERKHIDMATAN LATIHAN UNTUK INTERVENSI AMALAN 5S DAN KAIZEN BAGI 3 SYARIKAT DI BAWAH SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS (SPPE-MPB)

Saya TYE SU REBU nombor K.P. 640806-07-5350 yang mewakili Nave Quality Service (M) Sdn Bhd nombor pendaftaran 2619837


dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



Nama : TYE SU REBU

No. K.P.: 640806-07-5350

Cop Syarikat :

Nave Quality Services (M) Sdn Bhd (Private)
Unit No. 825 & 827, Block A, Malacca Centre Point
1, Jalan SS 7/10, Kelana Jaya
47811 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7886 7016/20801 6225
Fax: 03-7886 2680

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : 2619837
 1.2 Tempoh Sah Laku : -

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

2.1 No. Pendaftaran : 357-020 72586
 2.2 Tempoh Sah Laku : 17/10/2018 - 08/12/2021
 2.3 Kod Bidang : 221110 / 222704
 2.4 Taraf Syarikat : Senderian Berhad
 2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : Non Bumiputera

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

3.1 Harga Kontrak : RM 62,964.00
 3.4 Tempoh Kontrak :
 3.5 Tarikh Mula Kontrak :
 3.6 Tarikh Tamat Kontrak :

4. **Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan**

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

5. **Bon Pelaksanaan**

(*diisi oleh pihak MPC)

5.1 Kadar Bon Pelaksanaan :
 5.2 Formula Bon Pelaksanaan :
 5.3 Nilai Bon Pelaksanaan :